B.Harian 4 Sep 1979



SUASANA riang gembira jelas terbayang dalam gambar ini walaupun terdapat pertarungan hebat antara dua orang pemimpin MCA Datuk Lee San Choon selaku Presiden dan Datuk Michael Chen, Timbalan Presiden ketika bersama-sama berbual dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir dan pemimpin—pemimpin lain.

Mereka bertemu di majlis jamuan makan malam muhibbah antarabangsa anjuran MCA untuk mengutip derma membina projek bangunan ibupejabatnya di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur, semalam.

Turut kelihatan ialah Penasihat MCA Tun Tan Siew Sin (kiri sekali) dan Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah.

No. Siri 2160

No. Penerimaan 336/82

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia